



POKOK delima menghasilkan buah setelah setahun setengah ditanam.

Penjagaan delima



Oleh **SYED GHAZALI JALALULIN SYED HASSAN**
Taman Pertanian Universiti
Universiti Putra Malaysia

NAMA saintifik bagi delima ialah *Punica granatum* dan tergolong dalam keluarga Punicaceae.

Pokok delima tidak mempunyai musim yang utama akan tetapi ia berbunga dan berbuah mengikut kepada keadaan cuaca tempatan, kadar kesuburan tanah yang tinggi dan penjagaan pokok yang sempurna.

Kebiasaannya, pokok delima mula menghasilkan buah setelah satu hingga dua tahun selepas ditanam.

Buah delima yang masak boleh dimakan segar dan dijadikan jus.

Jarak tanaman yang disyorkan ialah 4 meter (m) x 4 meter dengan menggunakan sistem segi empat sama.

Bilangan pokok delima yang boleh ditanam bagi keluasan sehektar ialah 625 pokok.

Secara praktikalnya, pokok delima boleh dibiak dengan menggunakan biji benih dan kaedah pembiakan tut.

Setelah anak pokok berjaya ditut lebih kurang 30 hingga 40 hari untuk mengeluarkan akar dengan baiknya, ia perlu dipindahkan ke dalam polibeg dan diletakkan di bawah naungan sementara sebelum ditanam di kebun.

Secara fizikalnya, anak pokok yang melebihi umur tujuh bulan ke atas adalah amat sesuai ditanam, akan tetapi sebelum itu, pastikan pucuk pokok delima telah berwarna hijau tua dan telah matang sepenuhnya.

Ini kerana, anak pokok mempunyai akar yang tua dan matang untuk berkembang dengan cepat untuk mencari air didalam tanah.

Antara pokok delima yang ada ditanam di Taman Pertanian Universiti UPM ialah pokok delima isi merah dan pokok delima isi putih.

Minggu depan: Limau nipis

SEGALA pertanyaan dan kemusykilan boleh diajukan ke emel: norhaimanshah@gmail.com



DELIMA boleh ditanam menggunakan biji benih.

Tip penjagaan

Pengurusan air

- Pokok delima memerlukan jumlah air sekurang-kurangnya lapan liter air sepokok dengan kekerapan siram dua kali sehari.
- Penentuan keperluan air bergantung kepada umur pokok, pertumbuhan pokok, ketinggian pokok dan kesuburan tanah.
- Anak pokok delima perlu disiram dari mula ditanam sehingga tiga bulan bertujuan untuk membekalkan air yang secukupnya dan mempercepatkan pergerakan akar untuk mencari air dengan sendirinya.
- Penanaman pokok delima pada musim hujan dapat membantu mengurangkan kerja menyiram, membekalkan air dengan secukupnya, memberikan kelembapan pada tanah dan suhu pokok.
- Penggunaan bahan sungkupan seperti sabut kelapa dapat membantu mengekalkan kelembapan tanah dan mengawal dari berlakunya pemeluwapan.

Kawalan rumpai

- Kebiasaannya rumpai yang tumbuh dikelilingi anak pokok boleh dikawal dengan menggunakan cangkul atau racun kimia.
- Kawalan rumpai yang menggunakan cangkul pada peringkat awal penanaman adalah digalakkan untuk memudahkan kerja pembajaan dan mengelakkan kecederaan pada pokok sekiranya menggunakan racun kimia.
- Penggunaan racun kimia yang bertindak secara sentuh (paraquat) boleh membantu mengawal rumpai dikelilingi anak pokok.
- Kelebaran semburan satu meter dari pangkal pokok.
- Kawalan rumpai menggunakan racun kimia boleh dilakukan dengan kekerapan tiga bulan sekali untuk kawalan yang optimum.
- Rumpai yang tumbuh dikelilingi anak pokok perlu dikawal supaya tiada bersaing untuk mendapatkan makanan, tidak menandatangani kemudahan kepada pokok dan tidak menjadi habitat kepada perosak dan penyakit.

Pembajaan

- Penggunaan baja NPK hijau (baja tumbesaran) dapat membantu menggalakkan pertumbuhan tampang seperti pengeluaran mata tunas baru, menambahkan bilangan daun dan ranting baru, mempercepatkan kematangan daun dan pertumbuhan pucuk baru.

- Baja tumbesaran perlu digunakan pada awal pertumbuhan sebelum pokok mengeluarkan bunga dan buah.
- Baja tumbesaran boleh digunakan dalam empat kali setahun dengan kadar 600 gram sepokok.
- Penggunaan baja NPK biru (baja buah) boleh digunakan apabila pokok mula mengeluarkan hasil yang pertama. Kadar pembajaan pula bergantung kepada umur pokok, kesuburan tanah dan analisis tanah serta daun.
- Baja buah boleh digunakan dengan kekerapan 3 kali setahun dengan kadar yang tertentu.
- Baja organik memang banyak membantu dalam menyuburkan tanah, memperbaiki tekstur dan struktur tanah, menambahkan unsur pemakanan dan memegang air dalam tanah.

Pemangkasan

- Pokok delima perlu dibentuk dengan menggunakan sistem terbuka tengah bermula dari awal penanaman sehingga pokok menjadi matang.
- Dalam sistem terbuka tengah ini, pokok dibentuk dengan memangkas dahan yang meninggi di bahagian tengah pokok dan dibiarkan dahan mendarat tumbuh dengan baik dan seimbang.
- Pemangkasan penjagaan perlu dilakukan dengan memotong dahan yang tidak produktif, ranting yang berpenyakit dan mati, ranting yang melempai ke bawah dan tunas yang tidak diperlukan.
- Kumpulkan sisa-sisa ranting dan dahan yang dipangkas di kawasan pembakaran dan pastikan longgokkan dibakar untuk mengelakkan pembiakan habitat serangga dan perosak.

Kawalan Penyakit dan Perosak

- Antara penyakit dan perosak yang menyerang pokok delima ialah ulat pengorek buah, rama-rama, koya, kulapuk hitam, bintik hitam pada buah, isi menjadi keras dan buah mudah retak akibat air yang berlebihan.
- Gunakan racun yang disyorkan berdasarkan simptom serangan dan mengikut kadar yang ditetapkan.
- Antara racun serangga yang mempunyai bahan aktif seperti *cypermethrin*, *dimethoate*, *deltamethrin* adalah sangat berkesan untuk mengawal serangan serangga dan perosak.